



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 26 Ogos 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KPDN, PETRONAS bersama gerakkan Kempen Jalur Gemilang Kluster Industri

Oleh **JOHN TAMBANAN**

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut serta menjayakan Kempen Jalur Gemilang dengan melibatkan rakan strategik dalam kalangan pemain industri.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Kempen Jalur Gemilang ini diadakan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) tahun ini (2025).

"Kempen ini melibatkan kesemua 4,320 stesen minyak di seluruh negara," katanya ketika melancarkan Kempen Jalur Gemilang bagi kluster industri dengan kerjasama PETRONAS, di Stesen Minyak PETRONAS, Papar.

Turut hadir Ketua Perniagaan Runcit Bahan Api PETRONAS Dagangan, Norazlan Subaha dan Pengurus Besar Pejabat Wilayah Sabah & Labuan PETRONAS, Siti Ayu Abdul Wahab.

Armizan berkata, kempen ini merupakan sebahagian daripada inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang (1R1JG) yang diselenggarakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2025.

"Kempen ini melibatkan tujuh kluster utama iaitu, pendidikan, pendidikan ting-

gi, kesihatan, keselamatan, komuniti, industri dan agensi kerajaan," katanya.



Pada masa sama katanya, PETRONAS turut memaknai Sambutan Bulan Kebangsaan 2025 dengan melaksanakan Kempen 'Love Local' bermula 25 Ogos hingga 30 September 2025.

"Inisiatif ini adalah sebahagian daripada komitmen PETRONAS untuk menyokong Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang diselenggarakan oleh KPDN bagi menggalakkan dukungan terhadap produk keluaran usahawan tempatan," katanya.

Sepanjang kempen ini berlangsung, produk-produk keluaran perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan akan dipaparkan di ru-

angan rak khas Kedai Mesra PETRONAS yang ditandakan dengan logo KBBM sebagai strategi promosi sekali gus meningkatkan akses kepada para pelanggan.

Armizan berkata, KDPN amat menghargai komitmen tinggi PETRONAS dalam mendukung agenda memajukan PMKS melalui penjualan produk tempatan di lebih 850 premis rangkaian Kedai Mesra seluruh negara termasuk 50 Kedai Mesra di Sabah,

"Setakat ini, Kedai Mesra mempunyai 1,842 pembekal produk tempatan. Hasil jualan produk PMKS di rangkaian Kedai Mesra terus mencatatkan momentum peningkatan dari tahun ke tahun melebihi RM150 juta," katanya.

KPDN melaksanakan sesi libat urus tentukan kadar APM

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang melaksanakan sesi libat urus bersama persatuan yang berkaitan mengenai dasar penentuan harga runcit produk petroleum dan kadar Mekanisme Harga Automatik (APM).

Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali berkata hasil libat urus itu, segala cadangan dan syor akan dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dalam masa terdekat.

"KPDN sedia maklum berhubung permohonan dan rayuan daripada syarikat serta pengusaha stesen minyak untuk dibuat semakan kadar APM.

"Sebaik sahaja kerajaan memutuskan dasar dan mekanisme penyasaran subsidi RON95, kita yakin agensi

● Cadangan dan syor akan dipanjangkan kepada MOF dalam masa terdekat, kata Armizan

pusat iaitu MOF mempertimbangkan kadar baharu APM," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan kit Jalur Gemilang (kluster industri) dan pelancaran kempen Love Local di Stesen Minyak Petronas di sini pada Ahad.

Armizan, yang juga Ahli Parlimen Papar, berkata KPDN bertanggungjawab memastikan bekalan petrol serta diesel sentiasa mencukupi dan produk petroleum dapat dinikmati oleh golongan sasaran.

Mediaselbelum ini melaporkan Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (Bumipeda) dan Persatuan Pengusaha Min-

yak Malaysia memohon agar semakan semula margin pada APM dan Kadar Diskaun Pedagang dilakukan.

Armizan juga berkata sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini, KPDN turut menjayakan kempen Kibar Jalur Gemilang di semua 4,320 stesen minyak PETRONAS di seluruh negara sebagai sebahagian daripada inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang.

Beliau berkata pada masa sama, PETRONAS melaksanakan kempen Love Local bermula 25 Ogos hingga 30 Sept untuk menyokong kempen beli barangan Malaysia yang diselaras oleh KPDN untuk menggalakkan

produk keluaran usahawan tempatan.

Armizan berkata KPDN amat menghargai komitmen PETRONAS dalam mendukung agenda memajukan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) melalui penjualan produk keluaran tempatan di lebih 850 premis rangkaian Kedai Mesra seluruh negara termasuk 50 di Sabah.

"Setakat ini, Kedai Mesra mempunyai 1,842 pembekal produk tempatan dan hasil jualan produk PMKS di rangkaian Kedai Mesra juga terus mencatatkan momentum peningkatan dari tahun ke tahun melebihi RM150 juta," katanya. — Bernama



PRODUK: Armizan (kiri) tertarik melihat produk tempatan yang dijual di Stesen Minyak Petronas pada majlis penyerahan Kit Jalur Gemilang dan pelancaran Kempen Love Local di Stesen Minyak Petronas Papar pada Ahad. — Gambar Bernama

‘Support MSMEs by buying local products’

Hayati Dzulkifli

PAPAR: The public are urged to support and buy local products of Micro, Small and Medium Entrepreneurs (MSME) put up for sale in designated shelves at Petronas Kedai Mesra outlets nationwide, including Sabah.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali, said the initiative is implemented under “Love Local Campaign” by Petronas from Aug 25 until Sept 30, in support of ‘Buying Malaysian Products Campaign (KBBM) spearheaded by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

“KPDN praised Petronas for its high commitment in supporting local businesses especially MSMEs and strengthening the national agenda of promoting Malaysian-made products which also reflects the patriotism spirit while helping local traders.

“Petronas is committed in placing MSME products at over 850 Mesra outlets nationwide, including 50 in Sabah, that play a significant role in empowering local entrepreneurs and a campaign to ensure



Armizan launching the ‘Love Local Campaign’.

our local products are given priority,” he said.

Armizan said this after presenting Jalur Gemilang kits under the “1 House, 1 flag” Industrial Cluster Initiative and launch of the Love Local Campaign 2025 at a Petronas Petrol Station near here.

Armizan said the Petronas Kedai Mesra

outlets currently collaborate with 1,842 local suppliers with annual MSME sales recording strong growth momentum exceeding RM150 million.

“This partnership not only strengthens patriotism in supporting local products but also ensures that our homegrown entrepreneurs continue to thrive,” he said.

Jalur Gemilang campaign at 4,320 petrol stations

KPDN has launched the Jalur Gemilang campaign in collaboration with Petronas, involving 4,320 petrol stations nationwide.

He said the campaign is part of the "One Home, One Jalur Gemilang" (1R1JG) initiative coordinated by the Department of Information Malaysia (Japen), under the Ministry of Communications.

"This campaign involves all Petronas petrol stations, nationwide as it covers all retail premises licensed under KPDN. The nationwide program also involves seven main clusters: education, higher educa-

tion, health, security, community, industry, and government agencies," he said.

To a question, Armizan said the Jalur Gemilang and the annual national celebrations are not solely government-owned programmes, but a shared legacy of all Malaysians.

"The flag and these celebrations belong to the people, not just the government. The Jalur Gemilang is our collective symbol, and it must be respected by every citizen," he said.

He reminded that laws are already in place to safeguard the flag's dignity.

"The legislation is clear. If incidents arise over how the flag is displayed, reports can be made and investigations will be carried out to determine whether they were intentional. If it is proven the misconduct is deliberately on purpose, the authorities will take firm action," he added.

Armizan also called on Malaysians to embrace unity and patriotism throughout the National Month celebrations.

"One of the ways to express our love for the nation is by proudly flying the Jalur Gemilang – a flag that belongs to every one of us," he said.

Retail fuel pricing policies

PAPAR: The Ministry of Finance (MOF) is responsible for policies and determination of retail fuel pricing policies including the rates under the Automatic Pricing Mechanism (APM).

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said it is responsible for ensuring a sufficient supply of petrol and diesel, and safeguarding subsidised petroleum products reach their target groups.

He said KPDN also oversees regulating the licensing of the retail fuel supply sector, specifically under the Petroleum Development Act (PDA 1) and the Scheduled Controlled Goods Retail License (CSA) for petrol stations and oil companies.

"KPDN has taken note of applications and appeals from oil companies and petrol station operators requesting a review of the APM rates.

"The Ministry is currently conducting engagement sessions with relevant associations and will forward recommendations and proposals to MOF in the near future.

"Once the government finalises the policy and subsidy targeting mechanism for RON95, KPDN is confident that MOF, as the central agency, will consider approving revised APM rates," he said.

Armizan said this is vital to ensure the sustainability of petrol stations and oil companies, while maintaining the stability of services supplying petroleum products to the public.

He said this to reporters after the handing over of Jalur Gemilang kits under the "1 House, 1 flag" Industrial Cluster Initiative and launch of the Love Local Campaign 2025 at a Petronas Petrol Station near here,



Armizan promotes locally made 'Popiah Cheese' when visiting the booths at the event.

last Sunday.

Also present were KPDN Secretary-General Datuk Mohd Sayuthi Bakar, its Director-General of Enforcement Division Datuk Azman Adnan, Information Department (Japen) Senior Director (Management) Naim Fahmi Ahmad Tajuddin, Petronas Dagangan Head of Retail Fuel Division, Norazlan Subaha, and Petronas Sabah & Labuan Regional Office General Manager, Siti Ayu Abdul Wahab.

Armizan was commenting on applications from petrol station associations and operators requesting that the APM rates be reviewed, particularly ahead of the implementation of the targeted RON95 subsidy.

Earlier, the President of the Bumiputera Petrol Station Operators Association of Malaysia (Bumipeda), Datuk Abd Aziz Sopian, was reported as urging the government to review the Automatic Pricing Mechanism (APM) used to determine fuel prices, so that it remains relevant to economic and technological changes.

He said restructuring the mechanism would help ensure that the subsidy targeting exercise is carried out smoothly, fairly, and in a way that safeguards both supply stability and public welfare.

— Hayati Dzulkifli

200,000 kotak SARA Rahmah disasar hingga akhir tahun untuk golongan memerlukan

PETALING JAYA: Sebanyak 200,000 Kotak SARA Rahmah disasar untuk dikumpul bermula 31 Ogos ini hingga hujung tahun sebagai usaha membantu golongan memerlukan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, misi mengumpul kotak berkenaan dilancarkan oleh pasar raya Mydin Mohamed Holdings Berhad (MYDIN) seluruh negara.

"Inisiatif ini membawa agenda Ihsan Kerajaan MADANI di mana setiap rakyat berhak merasai kasih sayang, solidariti, dan sokongan tanpa mengira latar belakang.

"Kotak ini bukan sekadar mengandungi barangan asas tetapi merupakan simbolik kepada harapan dan kasih sayang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Kotak SARA Rahmah di MYDIN Subang Jaya di sini semalam.



RINGKANKAN BEBAN: Fuziah melihat barangan asas Rahmah pada Majlis Pelancaran Program Kotak Sumbangan Asas Rahmah (SARA) anjuran pasar raya Mydin dekat Subang Jaya, semalam.

— Gambar Bernama

Fuziah berkata, usaha mengumpul 200,000 Kotak SARA Rahmah yang dilancarkan oleh MYDIN akan diperhebatkan dengan siri penjelajahan ke kementerian, agensi kerajaan serta institusi swasta bermula 2 Sept bagi menggalakkan lebih banyak

pihak untuk membeli dan menyumbang kotak tersebut.

"KPDN dan MYDIN turut mewujudkan pakej Bakul Rahmah yang disesuaikan mengikut kumpulan sasaran seperti keluarga B40, warga emas, dan mahasiswa bertu-

juan untuk memastikan bantuan lebih bersasar dan inklusif," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Mydin Datuk Dr Ameer Ali Mydin berkata orang ramai boleh datang ke semua cawangan MYDIN di seluruh negara untuk membeli Kotak SARA Rahmah bermula 31 Ogos ini.

Beliau berkata pelancaran Kotak SARA Rahmah itu selaras dengan usaha kerajaan melalui inisiatif 'SARA Untuk Semua', iaitu pelanggan daripada golongan T20 yang tidak memerlukan bantuan RM100 yang diberikan menerusi MYKad boleh menyalurkan sumbangan dengan membeli kotak berkenaan.

Kotak SARA Rahmah yang ditawarkan pada harga RM100 setiap satu mengandungi produk keluaran perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) tempatan selaras dengan aspirasi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang digerakkan oleh KPDN. — Bernama



DR Fuziah (kiri) dan Ameer Ali Mydin memegang Kotak Sara Rahmah ketika perasmian Kotak Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

MISI KUMPUL 200,000 KOTAK SARA RAHMAH

Inisiatif Mydin beri impak besar

Oleh Suharmin Yusuf
 am@hmetro.com.my

Subang Jaya

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) menyasarkan misi mengumpul 200,000 Kotak Sara Rahmah sehingga hujung tahun ini sebagai usaha membantu golongan memerlukan di seluruh negara.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin berkata, inisiatif itu diyakini mampu memberi impak besar kepada masyarakat selain memperkukuh nilai kebersamaan rakyat Malaysia.

Katanya, pelancaran Kotak Sara Rahmah selaras dengan usaha kerajaan menerusi inisiatif 'Sara Untuk Semua', di mana penerima bantuan RM100

yang tidak memerlukan khususnya golongan berpendapatan tinggi, boleh menyalurkan sumbangan itu bagi membeli kotak berkenaan.

"Kami percaya kejayaan perniagaan bukan sahaja diukur daripada keuntungan, tetapi juga sejauh mana kami dapat memberi kembali kepada masyarakat."

"Kotak Sara Rahmah ini bukan sahaja meringankan beban golongan rentan, malah menggerakkan ekonomi kecil tempatan melalui produk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan," katanya pada majlis Pelancaran Program Kotak Sara Rahmah, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh.

Ameer berkata, kerjasama

erat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat penting bagi menjalankan inisiatif berkenaan.

Mengulas lanjut, Ameer berkata, Mydin turut menyumbang 50 kotak makanan melalui JKM Subang Jaya sebagai simbolik pelancaran yang juga sebahagian daripada usaha murni itu.

"Inisiatif ini bertepatan dengan hasrat KPDN untuk mengutamakan produk tempatan, sekali gus memperkukuh ekosistem peruncitan Malaysia."

"Dengan menyokong produk keluaran tempatan, ia bukan sahaja membantu pengguna menikmati harga berpatutan, malah memberi nilai tambah kepada usahawan khususnya PMKS tempatan,"

katanya.

Katanya, inisiatif itu digerakkan menerusi konsep 'beli dan derma' yang bermula 31 Ogos ini di semua pasar raya besar Mydin seluruh negara.

Bermula 2 September pula, katanya, pihaknya akan menjelajah menggunakan trak bergerak ke Kementerian, agensi kerajaan dan institusi swasta bagi membuka peluang lebih ramai pihak menyertai usaha itu.

"Pelanggan boleh menggunakan bantuan Sara bernilai RM100 yang telah diterima melalui MyKad khususnya daripada golongan berpendapatan tinggi untuk menyalurkan manfaat itu kepada golongan lebih layak," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada kerajaan dan semua pihak yang menyokong inisiatif tersebut.

Mydin ajak 'beli dan derma'

Sasar kumpul 200,000
Kotak Sara Rahmah
bantu golongan susah

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR**
SUBANG JAYA

Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) menyasarkan untuk mengumpulkan sebanyak 200,000 Kotak Sara Rahmah melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) berbentuk sumbangan barangan asas kepada golongan kurang berkemampuan di seluruh negara.

Pengarah Urusannya, Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin berkata, program itu dilaksanakan dengan konsep 'beli dan derma' yang memberikan peluang kepada orang ramai membeli kotak berisi keperluan asas untuk disalurkan kepada keluarga B40, ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Menurutnya, kotak tersebut mengandungi barangan asas seperti be-



Fuziah (depan, dua dari kiri) dan Ameer (depan, dua dari kanan) menyampaikan kotak sumbangan asas rahmah kepada penerima semasa Majlis Pelancaran Program Kotak Sumbangan Asas Rahmah anjuran pasar raya Mydin pada Isnin.

ras, gula, tepung, minyak masak, bihin dan makanan dalam tin, selain turut menampilkan produk usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan.

"Kita buka program ini sehingga 31 Disember 2025, namun saya yakin dalam tempoh satu atau dua bulan pertama, sambutan lebih tinggi kerana kebiasaannya

orang ramai lebih aktif pada peringkat awal pelancaran.

"Saya berharap lebih ramai tahu inisiatif ini termasuk syarikat korporat yang mahu menyumbang dan mereka boleh terus menghubungi pihak kami untuk urusan pembelian serta penghantaran," katanya selepas Majlis Pelancaran Kotak

Sara Rahmah di Mydin USJ di sini pada Isnin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh.

Ameer berkata, kotak yang dibeli akan dikumpulkan sebelum disalurkan dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menurutnya, sasaran 200,000 kotak itu bukan had mutlak kerana Mydin bersedia menambah jumlahnya sekiranya sambutan menggalakkan.

Jelas beliau, beberapa syarikat korporat sudah menyatakan minat untuk menyertai program tersebut.

Sementara itu, Fuziah berkata, inisiatif itu memberi pilihan kepada penerima bantuan yang tidak mahu menggunakan sumbangan untuk menyalurkannya kepada pihak lain.

Menurutnya, usaha tersebut melengkapi inisiatif Rahmah lain termasuk Menu Rahmah dan Bakul Rahmah yang sebelum ini mendapat sambutan baik daripada rakyat.

"Saya berharap lebih banyak pasar raya besar lain tampil dengan konsep berbeza mengikut segmen keluarga, warga emas atau pelajar," tambahnya.

PROGRAM KOTAK SARA RAHMAH

Perkukuh jaringan perlindungan sosial

Suhang Jaya: Penyertaan sektor swasta secara kolektif diyakini mampu memperkukuh jaringan perlindungan sosial dan memperluaskan impak inisiatif Rahmah kepada semua lapisan masyarakat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, inisiatif seumpama itu mencerinkan falsafah Malaysia Madani apabila kerajaan, syarikat swasta dan rakyat berganding bahu demi kesejahteraan bersama.

Katanya, program Kotak Sara Rahmah yang dilaksanakan bersama Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) menjadi bukti bagaimana peranan sektor swasta mampu digerakkan secara lebih berkesan.

"Kotak ini bukan sahaja barangan asas, tetapi kotak harapan dan kasih sayang membawa mesej ihsan kerajaan kepada rakyat.

"Kotak itu mengandungi



DR Fuziah (tiga dari kiri) dan Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad, Datuk Wira Ameer Ali Mydin merasmikan Program Kotak Sara Rahmah. - Gambar NSTP/ AZLAH AZMEE

pelbagai keperluan asas termasuk produk keluaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan, sekali gus menyokong aspirasi Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM)," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Pelancaran Program Kotak Sara Rahmah, di Mydin Subang Jaya di sini, semalam.

Katanya, selain membantu rakyat, inisiatif itu melonjakkan PMKS dengan

mengutamakan produk usahawan kecil tempatan dalam setiap kotak.

"Melalui program ini, orang ramai boleh membeli dan menyumbangkan inisiatif kepada golongan memerlukan," katanya.



மைடினின் சமூகக் கடப்பாடு முயற்சி மிகவும் வரவேற்கத்தக்கது

• த.மோகன்

கோலாலம்பூர், ஆக. 26 - உள்ளூர் பல்பொருள் அங்காடி சங்கிலியான மைடினின் முகமது ஹோட்டிங்ஸ் பொஹாட் (மைடினின்), நேற்று அதன் சமீபத்திய சமூகக் கடப்பாடு முயற்சியான சாரா ரஹ்மா பெட்டியை அறிமுகப்படுத்தியது. நாடு முழுவதும் உள்ள ஏழைகளுக்கு உதவ 'வாங்கி நன்கொடை அளிக்கவும்' என்ற கருத்துடன் இந்தத் திட்டம் செயல்படுத்தப்படுகிறது. அரசு நிறுவனங்கள், மூலோபாய பங்களிப்புகள் உட்பட பல்வேறு கட்சிகளின் ஆதரவுடன் மைடினின் கப்பாங் ஜெயாவில் உள்ள நாட்டு வர்த்தகம், வாழ்க்கைச் செலவினத் துறை துணை அமைச்சர் செனட்டர் டத்தோ டாக்டர் ஹாஜா ஃபுஸியா சர்வே இத்திட்டத்தைத் தொடங்கி வைத்து உரையாற்றுகையில் மைடினின் சமூகக் கடப்பாடு அதிகளவில் வசதி குறைந்தவர்களுக்கு ஆதரவு அளிக்கும் வகையில் இருப்பதால் அவர்கள் அழைத்தவுடன் தம் பணிகளுக்கிடையே இந்தத் தொடக்க நிகழ்ச்சிக்கு வந்திருக்கிறேன் என்றார். 100 ரிங்கிட் என்பது சிலருக்கு மிகச்சிறிய தொகையாக இருந்தாலும்



பலருக்கு இத்தொகை மிகப்பெரியதாகும். வசதி குறைந்த பி40 பிரிவினருக்கு இந்தத் தொகை உதவியாக இருக்கும் என்று நாங்கள் (மடானி அரசாங்கம்) நினைக்கிறோம். மைடினின் இந்தத் திட்டத்தின் மூலம், பொதுமக்கள் 'அனைவருக்கும் சாரா' உதவியைப் பயன்படுத்தி அரிசி, சமையல் எண்ணெய், சர்க்கரை, மாவு, சோயியா, பதிவு செய்யப்பட்ட உணவு போன்ற அடிப்படைப் பொருட்களைக் கொண்டு சாரா ரஹ்மா பெட்டியை வாங்கலாம். வாங்கப்பட்ட பெட்டிகள் சேகரிக்கப்பட்டு, உள்துறை அமைச்சகம், சமூக நல இலாகாவின் இணைத்து பி40 குடும்பங்கள், தனித்து வாழும் தாய்மார்கள், மூத்த குடும்பங்கள், மாற்றுத்திறனாளிகள் போன்ற இலக்கு குழுக்களுக்கு விநியோகிக்கப்படும். தனிச்சிறப்பு என்னவென்றால், இந்தப் பெட்டிகளில் உள்ளூர்

- ஃபுஸியா சாலே



சிறு, நடுத்தர நிறுவனங்களின் தயாரிப்புகளும் உள்ளன. இந்த நடவடிக்கை மறைமுகமாக சிறு தொழில்முனைவோரின் பொருளாதார வளர்ச்சியை ஆதரிக்கிறது. அதே நேரத்தில் உதவி பெறுபவர்களுக்கும் பயனளிக்கிறது என்றும் அவர் குறிப்பிட்டார். மைடினின் நிர்வாக இயக்குநர் டத்தோ வீரா (டாக்டர்) ஹாஜி அமீர் அலி மைடினின் கூறுகையில், சாரா ரஹ்மா பெட்டியின் தொடக்கம், சாரா அனைவருக்குமானது முயற்சியின் மூலம் அரசாங்கத்தின் திட்டங்களுக்கு ஏற்ப உள்ளது.

இங்கு 100 ரிங்கிட் உதவி தேவையில்லாதவர்கள், குறிப்பாக அதிக வருமானம் உள்ளவர்கள், இந்தப் பெட்டிகளை வாங்கி நன்கொடையை விநியோகிக்க முடியும் என்றார். வணிக வெற்றி என்பது லாபத்தால் மட்டுமல்ல, சமூகத்திற்கு நாம் எவ்வளவு தூரம் திருப்பித் தர முடியும் என்பதன் மூலமும் அளவிடப்படுகிறது என்று நாங்கள் நம்புகிறோம். இந்த சாரா ரஹ்மா பெட்டி பாதிக்கப்பட்ட கூடியவர்களின் சமையைக் குறைப்பது மட்டுமல்லாமல், எஸ்.எம்.இ.

அனைத்து மைடினின் ஹைப்பர் மார்க்கெட் கிளைகளிலும் தொடங்கும். செப்டம்பர் 2 முதல், இந்தப் பெட்டியை வாங்கி நன்கொடை அளிக்க மேலும் பல தரப்பினரை ஊக்குவிப்பதற்காக அமைச்சகங்கள், அரசு நிறுவனங்கள், தனியார் நிறுவனங்களிடம் மைடினின் கோரும். கிட்டத்தட்ட 200,000 சாரா ரஹ்மா பெட்டிகளை சேகரிக்கும் நோக்கம் ஆண்டு

வலுப்படுத்தும் என்று மைடினின் நம்பிக்கை கொண்டுள்ளது. இந்தத் தொடக்க விளம்பரத்தைப் பற்றிய கூடுதல் தகவலுக்கு, பொதுமக்கள் சமூக ஊடகப் பக்கங்கள் அல்லது www.mydin.my இல் உள்ள அதிகாரப்பூர்வ MYDIN மலேசியா வலைத்தளத்தைப் பார்வையிடலாம்.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sindiket guna testimoni palsu jerat mangsa

Kuala Lumpur: Pulangan keuntungan sehingga 100 peratus hanya dalam tempoh dua hingga tiga bulan menjadi tarikan kepada pelaburan tidak sah membabitkan tanaman dan buah durian Musang King di negara ini.

Ratusan pelabur juga terpu-kau dengan tawaran keuntungan segera itu kerana nilai pasaran global durian terutama Musang King mencecah puluhan bilion ringgit setiap tahun, termasuk sambutan luar biasa di beberapa negara Asia seperti China, Hong Kong, Taiwan, Singapura dan Asia Barat.

Malah, pada tahun ini sahaja, nilai pasaran durian dijangka mencapai sekitar A\$30 bilion (RM141 bilion), dengan kapasiti durian Musang King dari Malaysia sangat bernilai untuk dieksport.

Pensyarah di Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Norsida Man, berkata terdapat pelbagai skim pelaburan pertanian durian di negara ini sama ada berdaftar atau tidak.

Bagaimanapun, katanya, skim

Pelabur durian Musang King berputih mata



Keratan akhbar BH, semalam.

pelaburan pertanian meragukan atau berbentuk penipuan turut dikesan wujud sejak 2018 apabila ada kes dilaporkan, susulan permintaan tinggi terhadap buah itu, khususnya Musang King.

Katanya, antara skim sah ialah yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) membabitkan pelaburan pertanian durian.

"Namun, ada kemungkinan wujud banyak syarikat yang menawarkan pelaburan pertanian meragukan dan dipercayai membentuk penipuan berskala besar.

"Modus operandi mereka biasanya menggunakan penampilan meyakinkan dengan janji keuntungan selepas tempoh tertentu. Antara strategi ialah promosi melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan WeChat.

Skim ini dibangunkan dengan kerangka pelaburan tertentu bagi menarik minat pelabur. Ia diuruskan syarikat mendakwa mempunyai kepakaran pengurusan serta jururunding teknikal dalam penanaman durian

Norsida Man,
Pensyarah di Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber,
Fakulti Pertanian, UPM



Mereka menjanjikan pulangan tinggi, antara 30 hingga 100 peratus dalam tempoh dua ke tiga bulan.

"Sindiket ini juga menggunakan testimoni palsu, jaminan keuntungan serta kontrak samar untuk menjerat mangsa. Malah, ada pelabur yang dikesan dipaksa membuat deposit tambahan atas alasan 'yuran proses' sebelum boleh mengeluarkan modal," katanya kepada BH, semalam.

BH semalam melaporkan ratusan rakyat Malaysia kerugian

jutaan ringgit selepas terpedaya dengan skim pemasaran durian Musang King di sebuah negara.

Difahamkan, pelaburan yang dipromosikan dengan janji keuntungan luar biasa itu langsung tidak memberi sebarang pulangan, walaupun didakwa mempunyai modul perniagaan kukuh.

Norsida berkata, skim pelaburan Musang King biasanya menjanjikan keuntungan selepas pokok durian mula berbuah dalam beberapa tahun.

Katanya, mengikut ketetapan

syarikat, pelabur boleh membeli lot penanaman di kawasan tertentu, dengan sejumlah pokok dalam setiap lot.

"Skim ini dibangunkan dengan kerangka pelaburan tertentu bagi menarik minat pelabur. Ia diuruskan syarikat yang mendakwa mempunyai kepakaran pengurusan serta jururunding teknikal dalam penanaman durian.

"Selain itu, mereka menggunakan data dan teknologi terkini untuk memberi unjuran pulangan hasil tanaman. Tujuan asalnya adalah menggalakkan pelaburan sektor pertanian bagi memastikan pembangunan berterusan serta menjana pendapatan negara," katanya.

Menurut beliau, pelaburan sedemikian lazimnya membabitkan eksport memandangkan permintaan tinggi dari luar negara, khususnya China.

"Durian Malaysia, terutama Musang King, sangat bernilai untuk eksport. Nilai pasaran global durian dijangka mencecah A\$30 bilion pada 2025. Ada juga skim pelaburan yang hanya fokus pada pasaran domestik, namun akhirnya tetap menyokong eksport," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

PGA rampas lebih tujuh tan barang kawalan cuba diseludup ke Thailand

KOTA BHARU: Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 berjaya merampas lebih tujuh tan barang kawalan bersubsidi termasuk minyak masak, beras dan gula dalam dua serbuan berasingan menerusi Ops Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, dalam serbuan pertama pihaknya menemukan 5,491 kilogram (kg) minyak masak pelbagai jenama, 350kg beras putih dan 960kg gula di sebuah premis di Jalan Bandar Rhu, Tumpat, lebih kurang 7 petang pada Sabtu.

"Seorang lelaki berusia 32 tahun yang menjaga premis berkenaan, ditahan bagi membantu siasatan dan nilai keseluruhan rampasan yang dianggarkan RM32,000 itu, telah diserahkan kepada Kementerian Perdagangan

dan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, untuk tindakan lanjut.

"Kesemua barangan tersebut disyaki disimpan tanpa lesen sah daripada KPDN," katanya dalam kenyataan semalam.

Nik Ros Azhan berkata dalam operasi kedua pula, pihaknya merampas 442 peketer minyak masak yang ditemukan dalam sebuah kenderaan mencurigakan selepas suspek melarikan diri meninggalkan kenderaan tersebut di tepi Jalan Besar Kampung Siram, Pasir Mas, kira-kira 4 petang, kelmarin.

"Suspek dipercayai cuba menyeludup minyak masak berkenaan ke Thailand. Anggaran nilai rampasan termasuk kenderaan ialah RM31,000 dan kes diserahkan kepada KPDN Kelantan untuk siasatan lanjut," katanya. — Bernama

PGA rampas lebih tujuh tan barang kawalan cuba diseludup ke Thailand

KOTA BHARU: Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 8 berjaya merampas lebih tujuh tan barang kawalan bersubsidi termasuk minyak masak, beras dan gula dalam dua serbuan beras-ingan menerusi Ops Taring Wawasan Kelantan.

Komander Briged Tenggara PGA Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid ber-

kata, dalam serbuan pertama pihaknya menemukan 5,491 kilogram (kg) minyak masak pelbagai jenama, 350kg beras putih dan 960kg gula di sebuah premis di Jalan Bandar Rhu, Tumpat, lebih kurang 7 petang pada Sabtu.

“Seorang lelaki berusia 32 tahun yang menjaga premis berkenaan, ditahan bagi membantu siasatan dan nilai

keseluruhan rampasan yang dianggarkan RM32,000 itu, telah diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, untuk tindakan lanjut.

“Kesemua barangan tersebut disyaki disimpan tanpa lesen sah daripada KPDN,” katanya dalam kenyataan semalam.

Nik Ros Azhan berkata dalam operasi kedua pula, pihaknya merampas 442 peketer minyak masak yang ditemukan dalam sebuah kenderaan mencurigakan selepas suspek melarikan diri meninggalkan kenderaan tersebut di tepi Jalan Besar Kampung Siram, Pasir Mas, kira-kira 4 petang, kelmarin.

“Suspek dipercayai cuba menyeludup minyak masak berkenaan ke Thailand. Anggaran nilai rampasan termasuk kenderaan ialah RM31,000 dan kes diserahkan kepada KPDN Kelantan untuk siasatan lanjut,” katanya.

Beliau berkata, kedua-dua kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 25 OGOS 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
26-Aug	Inflasi diunjur kekal stabil, pengurangan subsidi beri impak terhad	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/inflasi-diunjur-kekal-stabil-pengurangan-subsidi-beri-impak-terhad-535659	ASTRO AWANI
26-Aug	Kerajaan Teliti Cadangan Semak Mekanisme Harga Automatik Bahan Api	https://rnggt.com/202542954/	RNGGT
26-Aug	PGA rampas lebih tujuh tan barang kawalan cuba diseludup ke Thailand	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pga-rampas-lebih-tujuh-tan-barang-kawalan-cuba-diseludup-ke-thailand-535678	ASTRO AWANI
26-Aug	KPDN laksana sesi libat urus tentukan kadar APM	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/kpdn-laksana-sesi-libat-urus-tentukan-kadar-apm-x9pdq52	ASTRO AWANI
26-Aug	Inflasi diunjur kekal stabil, pengurangan subsidi beri impak terhad	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2460267	BERNAMA
26-Aug	200,000 Kotak SARA Rahmah disasar hingga akhir tahun untuk golongan memerlukan	https://www.bharian.com.my/berita/nasion-al/2025/08/1437961/200000-kotak-sara-rahmah-disasar-hingga-akhir-tahun-untuk-golongan	BERITA HARIAN
26-Aug	Kotak Sara Rahmah disasar manfaatkan 200,000 penerima	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kotak-sara-rahmah-disasar-manfaatkan-200,000-penerima	RTM
26-Aug	200,000 Kotak Sara Rahmah disasarkan untuk golongan memerlukan hingga akhir tahun	https://thesun.my/cerita/berita/200000-kotak-sara-rahmah-disasarkan-untuk-golongan-memerlukan-hingga-akhir-tahun-FE14761307	THE SUN

26-Aug	200,000 SARA Rahmah boxes for needy by year end, says deputy minister	https://thesun.my/malaysia-news/200000-sara-rahmah-boxes-for-needy-by-year-end-says-deputy-minister-IH14759742	THE SUN
26-Aug	200,000 SARA Rahmah Boxes For The Needy By Year End - Fuziah Salleh	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2460471	BERNAMA
26-Aug	Mydin lancar Kotak Sara Rahmah bantu golongan memerlukan	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2025/08/1256512/mydin-lancar-kotak-sara-rahmah-bantu-golongan-memerlukan	HARIAN METRO
26-Aug	Mydin sasar 200,000 Kotak Sara Rahmah bantu golongan susah	sinarharian.com.my/article/745036/bisnes/mydin-sasar-200000-kotak-sara-rahmah-bantu-golongan-susah	SINAR HARIAN
26-Aug	RM100 untuk orang tua 'tinggal berdua' boleh belanja sebulan - Fuziah	https://www.astroawani.com/video/awani-745-x7kldw/rm100-untuk-orang-tua-tinggal-berdua-boleh-belanja-sebulan-fuziah-x9penee	ASTRO AWANI
26-Aug	PGA rampas minyak masak, gula, beras dan kosmetik	https://www.sinarharian.com.my/article/745027/edisi/kelantan/pga-rampas-minyak-masak-gula-beras-dan-kosmetik	SINAR HARIAN
26-Aug	Kempen jual produk PMKS di Kedai Mesra Petronas	https://www.dailyexpress.com.my/news/265318/kempen-jual-produk-pmks-di-kedai-mesra-petronas/	DAILY EXPRESS
26-Aug	KPDN, PETRONAS bersama gerakan Kempen Jalur Gemilang Kluster Industri	https://www.asiatimes.com.my/2025/08/25/kpdn-petronas-bersama-gerakan-kempen-jalur-gemilang-kluster-industri/	ASIA TIMES